

22/03/1997

Lee Kuan Yew sentiasa timbulkan masalah

ISU affidavit Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew dalam mahkamah yang mencetuskan kemarahan kerajaan dan rakyat Malaysia belum reda. Lee mulanya meminta maaf kerana affidavitnya itu berikutan bantahan kerajaan serta rakyat Malaysia. Tetapi kenyataan Lee meminta maaf itu dianggap tidak ikhlas. Kini Lee mengarahkan supaya kenyataannya itu digugurkan daripada affidavitnya.

Barangkali Lee satu-satunya pemimpin Singapura yang berkemampuan mencetuskan kontroversi begitu hangat di negara tetangganya disebabkan kedudukannya sebagai pemimpin Singapura yang ikut terbabit dalam perkembangan sejarah negara ini secara langsung sejak penubuhan partinya awal 1950-an.

Penubuhan partinya mendapat restu Allahyarham Tunku Abdul Rahman dan untuk beberapa waktu Lee dan partinya menjalin hubungan rapat dengan pemimpin parti berkuasa di Tanah Melayu. Selepas itu Lee membawa Singapura memasuki Malaysia. Dalam peringkat inilah hubungan Lee dan partinya dengan pemimpin Malaysia tiba-tiba berubah menjadi lawan.

Akhirnya Singapura tersingkir dari Malaysia dan Singapura pun merdeka. Tetapi keretakan antara kedua-dua negara masih tidak dapat diperbaiki. Lee membangunkan Singapura mengikut acuannya. Dasarnya baik dalam mahu pun luar negara, mengutamakan apa yang dianggapnya menguntungkan Singapura. Dia menjalin hubungan diplomatik dengan Israel. Kedatangan Presiden Israel ke negara itu tidak lama dulu atas jemputan Presiden Singapura mencetuskan kemarahan rakyat Malaysia. Tentera Singapura di peringkat awal dilatih oleh pakar tentera Israel. Pendek kata, Lee mengendalikan negaranya secara bebas dan merdeka tanpa pengaruh jirannya terutama Malaysia.

Yang demikian, tentulah banyak perkara kedua-dua jiran itu tidak sehaluan dan sependapat. Walaupun Lee tidak lagi menjadi Perdana Menteri, sebagai Menteri Kanan beliau dianggap pemimpin yang lebih berpengaruh daripada Perdana Menteri.

Pada anggapan umum, termasuk rakyat Malaysia, Lee masih berfungsi sebagai Perdana Menteri de facto Singapura. Sekalipun dalam pilihan raya umum Singapura baru-baru ini, kemenangan cemerlang PAP disifatkan pemerhati sebagai prestasi dan pencapaian peribadi kepemimpinan Goh Chok Tong.

Barangkali kontroversi mengenai Lee menjadi begitu hangat di Malaysia ialah kerana imej Lee pada kaca mata rakyat Malaysia. Daripada kaca mata rakyat Malaysia, Lee sekarang ialah juga Lee yang mereka kenal dalam era 60-an yang akibat tindak-tanduknya memaksa Tunku Abdul Rahman menyingkirkan Singapura daripada Malaysia.

Sebelum tercetus kontroversi terbaru ini, Lee menimbulkan kontroversi dengan kenyataannya mengenai kemungkinan Singapura bercantum semula dengan Malaysia. Dalam kenyataannya kepada wartawan di republik itu, Lee berkata Singapura mungkin bersedia menimbang untuk bercantum semula dengan Malaysia jika negara ini mengamalkan dasar meritokrasi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir sendiri menjawab kenyataan itu. Dr Mahathir menolak dakwaan bahawa Singapura mengamalkan dasar meritokrasi kerana orang Melayu di republik itu sebenarnya didiskriminasikan oleh kerajaan Singapura. Mengapakah Lee membangkitkan semula `luka' lama itu kita kurang pasti, sedangkan hubungan Singapura dan Malaysia jauh berubah daripada zaman Lee berkuasa.

Sebagaimana kita tidak mengerti mengapa Lee menimbulkan isu percantuman

semula Singapura dengan Malaysia tahun lalu, begitu juga kita kurang mengerti mengapa afidavitnya baru-baru ini menyakiti hati rakyat Johor. Sedangkan antara negeri Malaysia, Johor adalah negeri yang menjalin hubungan ekonomi yang erat dengan Singapura.

Satu hal yang menarik ialah Lee segera meminta maaf atas kesalahannya itu sekalipun tidak memenuhi kehendak kita. Dan kelmarin dia mengarahkan peguamnya memohon mahkamah supaya menggugurkan kenyataannya menghina Johor.

Menarik hati juga bahawa nampaknya kontroversi Lee dengan rakyat dan Kerajaan Malaysia kelihatan sebagai satu isu yang membabitkan Lee saja. Chok Tong hanya membuat satu kenyataan dalam media mengenai isu itu. Dia hanya menyebut Lee melakukan `offside' tetapi tidak membela Lee. Kenyataan Chok Tong agak lunak membayangkan barangkali hasrat Kerajaan Singapura untuk mengatasi krisis itu seberapa segera dan secara yang sebaik mungkin. Kelmarin Chok Tong berkunjung ke Pulau Karimun di Indonesia untuk bersama-sama Presiden Suharto melancarkan satu usaha sama industri perkapalan. Kita boleh menafsirkan Chok Tong lebih berminat memperkukuh kerjasama ekonomi antara tetangga Singapura daripada membuang waktu menangani isu seperti afidavit Lee itu.

Kontroversi dengan Lee juga tidak menjejaskan pengaliran pelaburan asing termasuk pelaburan Singapura ke Malaysia. Rakyat Singapura masih berbondong datang ke Johor Bahru setiap hari menunjukkan isu afidavit Lee itu adalah urusannya sendiri.

(END)